

02/04/2001

Keistimewaan untuk Anwar sewajarnya ditarik balik

PELBAGAI keistimewaan sebagai pembesar negara ketika Datuk Seri Anwar Ibrahim masih menjadi Timbalan Perdana Menteri nampaknya banyak mengaburkan pandangan isteri serta penyokongnya. Ketika sudah bergelar banduan pun, Anwar diharapkan mereka diberikan layanan yang lebih baik dalam segala serba-serbi daripada banduan lain. Pada hakikatnya, Anwar yang dipenjarakan enam tahun kerana rasuah dan sembilan tahun kerana liwat tidak pun berbeza dengan banduan lain yang sedang menjalani hukuman di Penjara Sungai Buloh. Namun, secara zahirnya tidak. Ketika banduan lain harus akur dengan hukuman sebagai sebahagian proses pemulihan, Anwar mendapat layanan istimewa - sesuatu yang di luar kebiasaan yang pernah diberikan kepada mana-mana banduan di negara ini.

Sebagaimana pendedahan Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) kelmarin, di sel tahanannya di Penjara Sungai Buloh, tersedia rak buku, meja tulis serta pili khas untuk berwuduk. Sel untuk Anwar juga lebih luas serta selesa berbanding sel lain. Sejak dimasukkan ke Hospital Kuala Lumpur pada 25 November lalu, sudah lebih empat bulan Anwar mendapat keistimewaan wad kelas satu yang turut dilengkapi televisyen dan peti sejuk selain bahan bacaan. Pihak HKL memberikan layanan istimewa dengan menyediakan tukang masak khas untuknya. Kunjungan anggota keluarga, peguam dan rakan-rakan juga dibenarkan hampir setiap hari melawat tanpa sekatan. Barangkali juga kelengahan pembedahan tulang belakangnya dijalankan adalah helah untuk Anwar menikmati keistimewaan itu buat beberapa ketika lagi. Di sebalik semua itu, kita hairan dengan apa yang dimaksudkan oleh Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail kononnya Anwar tidak diberi sebarang layanan istimewa.

Ketika ini pun, tiada siapa mempertikaikan bahawa Anwar perlu menjalani pembedahan. Permohonan keluarganya untuk mendatangkan pakar bedah tulang belakang dari Jerman, Dr Thomas Hoogland, juga dipenuhi. Namun, permintaan untuk pembedahan itu dilakukan di Jerman tidak dapat dilayani atas sebab-sebab yang Anwar dan keluarganya sendiri harus maklumi. Lagipun, pembedahan Prolapsed Intervertebral Disc (PID) melalui kaedah pembedahan mikro untuk tulang belakang adalah sesuatu yang biasa dilakukan oleh pakar ortopedik tempatan. Sebagaimana Perdana Menteri, Datuk Dr Mahathir Mohamad, yang pernah menjalani pembedahan pintasan koronari di Kuala Lumpur sekalipun ketika itu ramai yang memilih untuk ke luar negara, Anwar seharusnya menunjukkan lebih keyakinan terhadap pakar tempatan daripada terus berdolak-dalik.

Parti Keadilan Nasional (Keadilan) pula mempolitikkan isu berkenaan dengan mengadakan pertemuan sulit dengan beberapa diplomat asing agar kerajaan diberi tekanan supaya membenarkan Anwar menjalani rawatan di luar negara. Baik Keadilan - parti yang diasaskan hanya untuk membebaskan Anwar - mahupun Dr Wan Azizah jelas tidak berterima kasih di atas keprihatinan dan kesungguhan kerajaan dalam membantu Anwar menjalani rawatan perubatan. Dalam keadaan sedemikian, kita berasakan adalah wajar bagi kerajaan menimbangkan untuk menarik balik pelbagai keistimewaan yang diberikan kepada Anwar selama ini. Mungkin dengan cara berkenaan, bekas Timbalan Perdana itu serta penyokongnya akan lebih menginsafi kekurangan dan batas-batas hak sebagaimana yang perlu diterima oleh banduan lain.

(END)